

SULIT
Bahasa
Melayu
Kertas 1

1 Jam

BAHASA MELAYU

Kertas 1
1 jam

*Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** jawapan pilihan, iaitu **A, B, C, dan D**.
Antaranya, ada **satu** jawapan saja yang betul. Pilih jawapan yang betul itu.*

Soalan 1 hingga Soalan 5

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Haji Shukor bin Munip atau lebih dikenal dengan panggilan Haji Shukor Boleh sememangnya suatu nama yang tidak asing lagi di Kampung Mempaga. Beliau yang sudah mempunyai lima orang anak dan tujuh orang cucu, mempunyai kebolehan yang sering menjadi buah mulut penduduk kampung. Walaupun usianya sudah agak lanjut, namun Haji Shukor masih berkebolehan membuat kerja-kerja berat dengan baik. Oleh sebab itu, tidak hairanlah jika gelaran Haji Shukor Boleh diberikan kepadanya.

Untuk menyara kehidupannya, Haji Shukor bertukang besi. Beliau merupakan seorang pandai besi yang sangat mahir. Setiap hari beliau akan *membanting tulang* di pondok buruk di belakang rumahnya. Hasil-hasil tukangnya termasuklah parang, tajak, sabit dan pelbagai jenis peralatan dapur. Hasil-hasil ini ada yang dijual kepada penduduk kampung dan ada juga yang dijual ke pekan.

Kebolehan Haji Shukor tidak hanya terhad sebagai tukang besi sahaja. Di Kampung Mempaga, Haji Shukor terkenal sebagai guru silat yang handal juga. Biasanya, Haji Shukor akan mengajarkan silat pada malam hari selepas solat Isya'. Anak-anak murid Haji Shukor terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Ada yang masih muda dan ada juga yang sudah berusia. Mereka amat patuh kepada nasihat dan tunjuk ajar yang disampaikan oleh Haji Shukor.

Penduduk Kampung Mempaga sangat menghormati Haji Shukor. Hal ini demikian kerana Haji Shukor seorang yang berhati mulia serta tinggi budi pekertinya. Biar pun dianugerahi dengan pelbagai *kebolehan*, Haji Shukor tidak pernah mendabik dada. Malah, beliau sentiasa bermurah hati untuk berbakti demi kebaikan seluruh penduduk kampung.

Sesungguhnya, Haji Shukor merupakan contoh yang wajar diteladani. Sikap yang ditunjukkan oleh beliau amat bersesuaian dengan slogan "Malaysia Boleh" yang sering dilaung-laungkan. Tanpa mengenal batas usia, Haji Shukor mampu melaksanakan kerja-kerjanya dengan baik. Memang benarlah kata pepatah "hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih".

1. Apakah yang menyebabkan Haji Shukor terkenal di Kampung Mempaga?
 - A rupa parasnya yang masih kacak walaupun usianya sudah agak lanjut
 - B keupayaannya yang masih tinggi walaupun beliau sudah tua
 - C kehandalannya yang luar biasa dalam seni pertahanan diri
 - D kedudukannya yang tinggi dalam masyarakat di kampungnya
2. Bagaimanakah Haji Samad mencari rezeki?
 - A bertukang besi
 - B bertukang kayu
 - C mengajarkan silat
 - D menjual ubat
3. Kata *kebolehan* yang terdapat dalam petikan bermaksud...
 - A keberanian.
 - B kelainan.
 - C kemampuan.
 - D kesungguhan.
4. Apakah yang membuktikan bahawa Haji Shukor seorang yang murah hati?
 - A menggunakan kebolehannya untuk menyara kehidupannya
 - B tidak mengenakan bayaran kepada anak-anak kampung yang berguru dengannya
 - C menjual sesetengah hasil tukangnya kepada penduduk kampung
 - D berpegang teguh pada prinsip “hendak seribu daya, tak hendak seibu dalih”
5. Simpulan bahasa *membanting tulang* bermaksud...
 - A bekerja dengan rajin.
 - B menyusahkan diri.
 - C mencari idea.
 - D tolong-menolong.

Soalan 6 hingga Soalan 10

Baca cerita di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada malam itu, Puan Kalsum tidak dapat melelapkan matanya. Fikirannya runsing. Pak Manaf, suaminya sudah lama dibuai mimpi. Puan Kalsum bersandar pada katilnya sambil termenung sendirian. Esok, *anak emasnya*, Azhar akan berangkat ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran. Apabila terfikir akan hal itu, hatinya terasa sayu.

Bagi Puan Kalsum, Azharlah tempatnya mencurahkan kasih sayang. Sejak kecil lagi, Azhar dijaganya bagi menatang minyak yang penuh. Azhar diberikan pelajaran serta didikan yang sempurna. Berkat usaha yang sungguh-sungguh, akhirnya Azhar berjaya dengan cemerlang dalam peperiksaan di sekolahnya.

Puan Kalsum mengambil gambar anak kesayangannya itu lalu menatapnya puas-puas. Anak yang amat dikasihinya akan pergi meninggalkannya. Dalam keadaan bersedih, Puan Kalsum akhirnya tertidur juga.

Keesokan paginya, Pak Manaf serta Puan Kalsum membantu Anuar mengemas barang-barangnya. Anak-anak Puan Kalsum yang lain turut menghulurkan bantuan. Barang-barang itu kemudiannya dimasukkan ke dalam teksi yang telah sedia menunggu. Tepat pukul sembilan pagi, mereka pun berangkat menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Sepanjang perjalanan ke sana, Puan Kalsum tidak banyak bercakap. Demikianlah juga halnya ketika berada di KLIA. Azhar faham benar akan perasaan ibunya. Dia berjanji kepada ibunya bahawa dia akan sentiasa mengutus berita.

Puan Kalsum tidak dapat menahan sebak ketika Anuar meminta diri untuk berangkat. Berderai air matanya setitis demi setitis. Tanpa sepatah kata, dipeluk dan diciumnya Azhar berkali-kali. Amatlah berat hatinya untuk melepaskan Azhar pergi.

Setelah dipujuk oleh Pak Manaf, Puan Kalsum kembali tenang. Demi masa depan anak emasnya itu, dia akur. Dia berharap agar suatu hari nanti Azhar akan pulang bersama-sama impiannya yang telah tercapai.

6. Mengapakah Puan Kalsum berasa runsing pada malam itu?
- A. kerana beliau tidak dapat meletakkan matanya
 - B. kerana marah dengan sikap suaminya
 - C. kerana memikirkan bahawa Anuar akan berangkat ke luar negeri
 - D. kerana hidupnya terasa sungguh sunyi
7. Simpulan bahasa *anak emas* bermaksud...
- A. anak tunggal.
 - B. anak kandung.
 - C. anak kesayangan.
 - D. anak buah.
8. Yang berikut mungkin merupakan faktor-faktor yang mendorong kejayaan Azhar dalam pelajarannya **kecuali**...
- A. sikap Azhar yang rajin dan sungguh-sungguh.
 - B. sikap Puan Kalsum yang sentiasa memberikan kasih sayang kepada Azhar.
 - C. didikan sempurna yang diberikan oleh Puan Kalsum kepada Azhar.
 - D. desakan Puan Kalsum agar Azhar melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
9. Apakah harapan Puan Kalsum terhadap anak emasnya itu?
- A. membatalkan niatnya untuk belajar ke luar negeri
 - B. selalu mengirim berita buatnya
 - C. berjaya mendapat apa-apa yang dihajatkannya
 - D. membawanya bersama-sama pergi ke luar negeri
10. Pilih pernyataan yang salah tentang petikan di atas.
- A. Puan Kalsum keberatan untuk membenarkan Azhar belajar di luar negeri.
 - B. Azhar merupakan anak tunggal Puan Kalsum.
 - C. Pak Manaf turut serta menghantar Azhar ke lapangan terbang.
 - D. Puan Kalsum akhirnya merestui pemergian Azhar.

Soalan 11 hingga Soalan 15

Baca catatan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sabtu, 15 September 2002

9.30 pagi

Kapal terbang yang kunaiki tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Di balai ketibaan, aku disambut oleh Pak Long sekeluarga. Bagai tikus jatuh ke beras, aku berasa sungguh gembira kerana dapat bertemu dengan mereka. Rasa rindu yang *terpendam* selama hampir dua tahun akhirnya terubat juga.

10.00 pagi

Aku meninggalkan pekarangan lapangan terbang dengan menaiki kereta Pak Long. Sepanjang perjalanan menuju ke rumah Pak Long, aku sempat meninjau suasana kehidupan penduduk Brunei. Rumah besar yang tersergam indah serta luncuran kereta mewah di jalan raya sudah cukup untuk menggambarkan suasana kehidupan di sini. Benarlah khabar yang pernah kudengar sebelum ini; orang Brunei hidupnya mewah.

1.20 tengah hari

Aku dibawa menunaikan sembahyang Zohor di Masjid Jamek Hassanul Bolkiah. Selesai saja sembahyang, aku tidak melepaskan peluang melawat ke sekitar kawasan masjid ini. Keindahan dan keunikan masjid ini cukup mempesonakan terutamanya bahagian dinding serta kubah yang dibuat daripada emas. Bagiku, inilah satu-satunya struktur bangunan tercantik yang pernah aku lihat sepanjang hayatku.

5.00 petang

Pak Long membawaku bersiar-siar di sekitar ibu kota Brunei, iaitu Bandar Seri Begawan. Walaupun bandar ini tidaklah sehebat bandar raya Kuala Lumpur dari segi pembangunan dan kepesatan kegiatan ekonominya, namun bandar ini tetap mempunyai identiti tersendiri yang mampu menarik hati para pelancong. Di sini, aku sempat membeli beberapa barangan cenderamata untuk kujadikan oleh-oleh apabila pulang ke Malaysia nanti.

6.30 petang

Kami singgah di sebuah perkampungan air. Aku menggunakan kesempatan itu untuk melihat suasana kehidupan di perkampungan itu secara lebih dekat lagi. Tidak dapat kunafikan bahawa kehidupan di perkampungan itu sungguh unik. Dari situ juga aku dapat melihat Istana Nurul Izzah, iaitu istana penginapan Sultan Hassanul Bolkiah serta keluarga baginda.

9.00 malam

Tercapainya impianku untuk menjejakkan kaki di Taman Permainan Jerudong.. Taman yang dibuka sejak tahun 1994 ini amat terkenal bukan saja di Brunei malah di seluruh Asia Tenggara. Hal ini demikian kerana taman ini cukup indah dan istimewa kerana dipenuhi hiasan dan landskap yang mengagumkan. Selain itu, dengan tidak mengenakan bayaran kepada pengunjungnya, taman ini menyajikan pelbagai jenis permainan yang hebat dan canggih. Kesempatan ini kugunakan sepuas-puasnya. Aku bertambah gembira apabila Pak Long berjanji akan membawaku ke sini lagi esok lusa.

- 11 Mengapakah penulis berasa gembira bagi tikus jatuh ke beras?
 - A kerana dapat melancong ke negara Brunei
 - B kerana terdapat banyak tempat-tempat yang menarik di Brunei
 - C kerana dapat bertemu dengan Pak Long sekeluarga yang sangat dirindunya
 - D kerana Pak Long sekeluarga menyambut kedatangannya dengan meriah
- 12 Kata *terpendam* dalam petikan tadi bermaksud...
 - A tersorok.
 - B tenggelam.
 - C terendam.
 - D tersimpan.
- 13 Bilakah agaknya kali terakhir penulis bertemu dengan Pak Longnya sekeluarga?
 - A 1 Januari 2002
 - B 20 April 1998
 - C 13 September 2000
 - D 15 Disember 2001
- 14 Apakah destinasi yang mungkin dilawati oleh penulis lebih daripada sekali sewaktu berada di Brunei?
 - A Masjid Hassanul Bolkiah
 - B Taman Permainan Jerudong
 - C Bandar Seri Bagawan
 - D Perkampungan air
- 15 Yang berikut benar mengenai Taman Permainan Jerudong **kecuali**...
 - A dibuka kepada orang ramai secara percuma.
 - B dipenuhi dengan hiasan landskap yang menarik.
 - C telah beroperasi sejak lebih daripada lima tahun yang lalu.
 - D dibuka kepada masyarakat setempat sahaja.

Soalan 16 hingga Soalan 20

Baca iklan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Kempen Kitar Semula : Masa Depan di Tangan Anda

Tujuan: Memupuk Kesedaran Serta Mendidik Orang Ramai tentang Cara Pengurusan Sampah

Penganjur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Cara-Cara Kitar Semula di Rumah atau di Pejabat:

- Asingkan sampah yang boleh dikitar semula daripada sampah-sampah yang lain. Ambil sedikit usaha untuk mengasingkan kertas, plastik, tin aluminium, tin keluli, dan barangan kaca
- Amalkan sistem yang mudah agar amalan ini dapat dilakukan secara berterusan.
- Pilihlah bekas sampah yang sesuai. Anda boleh menggunakan sebarang jenis tong atau beg, misalnya kotak kadbod, kotak kayu, bakul plastik, tong sampah berpenutup, beg plastik, dan sarung guni
- Sediakan tong atau beg di tempat yang strategik di rumah atau di pejabat.
- *Amalkan konsep kitar semula selangkah demi selangkah. Ubah tabiat lama secara beransur-ansur.*

Tempat Kitar Semula:

- Kompleks perniagaan
- Stesen minyak
- Bangunan pejabat
- Balai raya
- Pusat kutipan

Bahan-bahan yang di Kitar Semula:

- Tin
- Kaca
- Plastik
- Kertas

- 16 Kempen kitar semula ini menggunakan cogan kata “Masa Depan di Tangan Anda”. Pada pendapat anda, apakah maksud yang ingin disampaikan oleh cogan kata tersebut?
- A masalah pencemaran pada masa akan datang akan menjadi lebih buruk
 - B setiap orang perlu menjaga kesihatan agar masa depannya tidak terjejas
 - C nasib kita pada masa ini akan mempengaruhi cara hidup kita pada masa depan
 - D kitalah yang bertanggungjawab menentukan nasib kita pada masa akan datang
- 17 Yang berikut merupakan tujuan kempen itu dijalankan **kecuali...**
- A memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya proses kitar semula.
 - B mendidik orang ramai tentang cara pengurusan sampah yang berkesan.
 - C membuka mata orang ramai tentang pentingnya menjaga kesihatan diri dan menjauhi sampah sarap.
 - D memberikan maklumat penting kepada orang ramai tentang cara-cara mengitar semula sampah.
- 18 Mengapakah orang ramai digalakkan mengamalkan sistem yang mudah semasa mengitar semula sampah?
- A sistem yang mudah tidak memerlukan kos yang tinggi
 - B sistem yang rumit akan menyebabkan sampah-sampah sukar untuk diasingkan
 - C untuk mengelakkan orang ramai daripada tersilap melakukan proses kitar semula
 - D untuk mengelakkan timbulnya rasa bosan dan menyebabkan amalan ini dilakukan sekerat jalan saja
- 19 *Amalkan konsep kitar semula selangkah demi selangkah.* Maklumat ini sesuai dikaitkan dengan peribahasa...
- A sambil menyelam minum air.
 - B diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat.
 - C belakang parang kalau diasah nescaya akan tajam.
 - D sehari selembat benang lama-lama menjadi kain.
- 20 Pada pendapat anda, apakah masalah utama yang akan berlaku jika sampah sarap tidak diurus dengan baik?
- A ekonomi negara akan terjejas
 - B masalah sosial makin berleluasa
 - C pencemaran alam bertambah buruk
 - D institusi kekeluargaan akan runtuh

Soalan 21 hingga Soalan 33

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat di bawah ini.

- 18 Di majlis pertunangan itu, Puan Liza _____ cincin di jari manis Rohani.
- A memasang
 - B menyarungkan
 - C menyisipkan
 - D melekapkan
22. Kerja-kerja _____ Sungai Keli akan dilaksanakan tidak lama lagi.
- A mendalam
 - B pedalaman
 - C memperdalam
 - D mendalami
- 23 Buku mengisahkan _____ perajurit tanah air ketika menentang komunis.
- A berjuang
 - B memperjuangkan
 - C pejuang
 - D perjuangan
- 24 Tanpa penguatkuasaan yang ketat, para peniaga sering menaikkan harga barangan dengan _____nya.
- A setidak-tidak
 - B sewenang-wenang
 - C sekurang-kurang
 - D sepandai-pandai
- 25 Kumpulan itu berpecah kerana para anggotanya sudah tidak _____.
- A serentak
 - B sehaluan
 - C semusim
 - D seusia

26. Setelah hampir tiba di kaki bukit itu, Pak Mail memperlahankan _____nya.
- A pengayuh
 - B berkayuh
 - C kayuhan
 - D mengayuh
- 27 Sejak Encik Helmi berkahwin lagi kehidupan keluarganya _____.
- A huru-hara
 - B kacau-bilau
 - C porak-peranda
 - D hiruk-pikuk.
- 28 “Saya memerlukan dua _____ roti dan beberapa _____ timun untuk membuat sandwic, “ kata Rani.
- A buku...buah
 - B keping...hiris
 - C ketul...butir
 - D potong...batang
- 29 Dalam kejadian ribut itu _____ pokok telah tumbang lalu menghempap _____ rumah di tepi jalan.
- A sebatang...sebaris
 - B serumpun...segugus
 - C sejambak...sebuah
 - D sebuah...sederet
- 30 “_____ berasa amat duka cita atas penderitaan yang ditanggung oleh rakyat jelata,” titah Sultan Salahudin.
- A Baginda
 - B Hamba
 - C Patik
 - D Beta
- 31 “Sudah _____ berkenalan dengan _____?” tanya Yati kepada Lina sambil tangannya menunjuk ke arah sekumpulan murid baru.
- A saya...dia
 - B dia...mereka
 - C kalian...beliau
 - D kamu...mereka

- 32 “Janganlah kamu suka membazir. _____ dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang, kamu perlu berjimat cermat,” kata Puan Lim kepada anaknya.
- A Oleh itu
 - B Biarpun
 - C Lebih-lebih lagi
 - D Selain itu
- 33 Masalah jenayah di Kampung Muara semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini. _____ suatu jawatankuasa bertindak telah ditubuhkan oleh penduduk kampung untuk mengatasi masalah ini.
- A Padahal
 - B Sungguhpun begitu
 - C Di samping itu
 - D Sehubungan dengan itu

Soalan 34

Pilih lawan kata bagi kata yang bergaris.

34. Saya dan Bujal mencari siput di pantai itu ketika air sedang surut.
- A bergelora
 - B pasang
 - C melimpah
 - D kering

Soalan 35

Pilih erti kata bagi kata yang bergaris.

35. Dia tidak dapat meneruskan pelajarannya kerana terpaksa membantu keluarganya yang kesempitan.
- A kesakitan
 - B ketinggalan
 - C kesusahan
 - D kejahilan

Soalan 36 dan Soalan 37

Pilih **simpulan bahasa** yang paling sesuai untuk diisikan di tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

36 Setiap tahun Jasni pasti akan mendapat imbuhan bonus serta kenaikan pangkat. Hal ini demikian kerana dia merupakan _____ majikannya.

- A anak angkat
- B anak tunggal
- C anak emas
- D anak buah

37 "Sebagai jurujual kamu mestilah _____ apabila bertemu dengan pelanggan," kata Encik Mo kepada pekerjanya.

- A berat mulut
- B mulut tempayan
- C ringan mulut
- D mulut murai

Soalan 38

Pilih **soalan** yang paling sesuai untuk **jawapan yang bergaris**.

38 Kamu perlu mengisi borang keahlian yang disediakan serta membayar yuran sebanyak RM10.

- A Apakah faedahnya menyertai kelab tersebut?
- B Adakah perlu saya menjadi ahli kelab tersebut?
- C Bagaimanakah caranya untuk menjadi ahli kelab tersebut?
- D Berapakah bayaran yang dikenakan untuk menjadi ahli kelab tersebut?

Soalan 39

Pilih jawapan yang paling sesuai untuk soalan yang bergaris.

39 Sudahkah kamu menyiapkan kerja yang disuruh oleh emak?

- A Ya, emak pernah menyuruh saya membuat kerja itu.
- B Belum, saya akan menyiapkan kerja itu sekarang juga.
- C Sudah tentu emak tidak kam memarahi saya lagi.
- D Oh, ya! Emak ada menyuruh saya membuat kerja itu.

Soalan 40 dan Soalan 41

Pilih ayat yang menggunakan **tanda baca** dengan betul.

- 40 A. "Eh. Kamu masih ada di sini. Bukankah kamu sepatutnya sudah pergi ke sekolah, Lina!" kata Mak Tam kepada anaknya itu.
- B " Eh, kamu masih ada di sini? Bukankah kamu sepatutnya sudah pergi ke sekolah Lina," kata Mak Tam kepada anaknya itu.
- C. "Eh, kamu masih ada di sini! Bukankah kamu sepatutnya sudah pergi ke sekolah, Lina," kata Mak Tam kepada anaknya itu.
- D "Eh kamu masih ada di sini, bukankah kamu sepatutnya sudah pergi ke sekolah, Lina!" kata Mak tam kepada anaknya itu.
-
- 41 A. "Saleh, siapakah lelaki yang tercegat di pagar itu! Jangan-jangan pencuri? kata Lim kepada Saleh.
- B "Saleh siapakah lelaki yang tercegat di pagar itu? Jangan-jangan pencuri! kata Lim kepada Saleh.
- C "Saleh, siapakah lelaki yang tercegat di pagar itu, jangan-jangan pencuri?" kata Lim kepada Saleh.
- D "Saleh, siapakah lelaki yang tercegat di pagar itu? Jangan-jangan pencuri," kata Lim kepada Saleh.

Soalan 42

Pilih kata ganda yang **bergaris** dalam ayat di bawah ini yang membawa maksud berulang-ulang.

- 42 I Bola yang dipukul oleh Suresh melantun-lantun di dalam gelanggang itu.
II Setiap kali bertemu, mereka berdua pasti akan usik-mengusik.
III Bunga-bunga di taman itu cantik dan harum baunya.
IV Isa tersengguk-sengguk kerana terlalu mengantuk ketika mendengar ceramah itu.
- A I dan III sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan IV sahaja
D I, II, dan IV sahaja

Soalan 43

Pilih kata ganda yang **bergaris** dalam ayat di bawah ini yang membawa maksud saling.

- 43 I Pasangan pengantin itu suap-menyuap ketikas menikmati hidangan yang disediakan.
II Kami tercengang-cengang apabila dimarahi oleh Cikgu Meon secara tiba-tiba.
III Setiap kali bertemu mereka pasti akan usik-mengusik.
IV Saya duduk-duduk di bawah pohon itu sambil menghirup udara yang segar.
- A. I dan III sahaja
B. II dan IV sahaja
C. II, III, dan IV sahaja
D. I, II, III, dan IV

Soalan 44

Pilih kata ganda yang **bergaris** dalam ayat di bawah ini yang membawa maksud bilangan banyak.

- 44 I Budak yang mengemis di tepi jalan itu berpakaian compang-camping.
II Tempat itu berbau busuk kerana sis-sis makanan dibuang sesuka hti.
III Salmi berura-ura mahu meletakkan jawatan jika tuntutan nya tidak dilayan.
IV Di hutan negara kita tersimpan hidup-hidupan yang unik dan mengagumkan.
- A. I dan III sahaja
B. II dan III sahaja
C. II dan IV sahaja
D. I, III, dan IV sahaja

Soalan 45 dan Soalan 46

Pilih ayat yang **sama maksudnya** dengan ayat yang **bergaris**.

- 45 "Cikgu, bukan saya yang memecahkan cermin tingkap ini tetapi budak-budak-budak yang bermain bola di padang itu," kata Jonid kepada Cikgu Halim.
- A Jonid menunjukkan cermin tingkap yang pecah kepada Cikgu Halim dan meminta beliau menghukum budak-budak yang bermain bola di padang itu.
B Jonid memberitahu Cikgu Halim bahawa budak-budak yang bermain bola di padang itu menuduhnya memecahkan cermin tingkap itu.
C Jonid dan Cikgu Halim mendakwa bahawa budak-budak yang bermain bola di padang itulah yang memecahkan cermin tingkap itu.
D Jonid menafikan bahawa dia yang memecahkan cermin tingkap itu sebaliknya memberitahu Cikgu Halim bahawa perbuatan itu dilakukan oleh budak-budak yang bermain bola di padang.

46. "Ayuh, marilah kita bersama-sama membentaras kegiatan jenayah di kawasan kita," kata Tok Ketua kepada anak-anak buahnya.
- A Tok Ketua memberitahu anak-anak buahnya supaya bekerjasama menangkap penjenayah di kawasan mereka.
 - B Tok Ketua membakar semangat anak-anak buahnya agar sentiasa menjauhi kegiatan jenayah di kawasan mereka.
 - C Tok Ketua mengajak anak-anak buahnya bekerjasama mengelakkan kejadian jenayah di kawasan kita.
 - D Tok Ketua menyeru anak-anak buahnya agar berganding bahu menghapuskan kegiatan jenayah di kawasan mereka.

Soalan 47 dan Soalan 48

*Pilih ayat atau ayat-ayat yang menggunakan kata yang **bergaris** dengan betul.*

- 47 I Bunga itu kembang pada waktu pagi.
II Biskut itu kembang apabila direndam terlalu lama di dalam air.
III Kembang tengkuk saya pabila mendengar bunyi orng mengilai.
IV Ibu menyapukan minyak ke perut adik yang kembang.
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja

- 48 I Beribu-ribu tentera terkorban dalam pertempuran sengit itu.
II Saya menutup hidung kerana tidak tahan menghidu bau sengit.
III Jika dipandang betul-betul, tiang elektrik itu kelihatan sengit.
IV Perlawanan bola sepak itu bertambah sengit apabila kedua-dua pasukan saling melancarkan serangan.
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D I, II, dan IV sahaja

Soalan 49 dan Soalan 50

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 49 I Kamal bertemu teman lamanya di stesen bas.
II Cara Cikgu Naim mengajar sungguh berkesan sekali.
III Kebun pisang Pak Manap musnah angkara gajah-gajah liar itu.
IV Encik Moon menasihati anaknya itu supaya kembali ke pangkal jalan.
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. III dan IV sahaja
D. II, III, dan IV sahaja
50. I Banyak murid-murid yang tidak hadir ke sekolah pada hari ini.
II Kawasan tempat tinggal saya dikelilingi oleh pepohon hijau.
III Kadar kemalangan jalan raya semakin meningkat dari setahun ke setahun.
IV Di saat-saat kecemasan, kita perlulah tenang dan tidak mati akal.
- A I dan III sahaja
B II dan III sahaja
C I, II, dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja